



## Tingkatkan kebijaksanaan dengan cara yang menyeronokkan!

Petrosains merupakan galeri penerokaan sains interaktif untuk semua lapisan umur. Di sini, anda dapat menerokai keajaiban sains menggunakan pancaindera; penglihatan, pendengaran, deria sentuh dan hidu. Interaksi ini juga meliputi kesemua aspek sains - dari yang mikroskopik hingga sebesar kosmik, dari dinosaur prasejarah yang menggerunkan, sehinggalah ke dunia molekul dan robotik yang menakjubkan.

**“ Memberi inspirasi  
untuk melihat dunia di  
sekeliling saya dengan  
lebih dekat lagi.”**



Kembara bersama kami untuk menerokai dunia STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) yang menyeronokkan.

Pembelajaran tidak pernah membosankan di Petrosains. Alami STEM melalui cara yang lebih menarik menerusi pameran, pertunjukan, eksperimen sains dan banyak lagi.

**“ Tidak kira usia,  
banyak yang boleh  
anda lihat dan cuba! ”**

### Untuk Ibu Bapa

Pupuk sifat ingin tahu si cilik sambil meneroka, belajar dan bermain bersama mereka. Dengan bahan pameran yang menarik dan bersesuaian untuk semua peringkat umur, anda dapat berkongsi pengetahuan sambil memahami bagaimana si kecil anda belajar.

### Untuk Pendidik

Sebagai rakan dalam pendidikan STEM, kami menyediakan ruang alternatif untuk aktiviti berasaskan kurikulum. Petrosains juga diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sokongan penting dalam pembelajaran STEM tidak rasmi di negara ini.

### Program Cuti Sekolah & Bengkel Menyeronokkan

Petrosains adalah destinasi pilihan ibu bapa untuk membawa anak-anak menimba ilmu pengetahuan semasa cuti sekolah. Sertai bengkel dan aktiviti interaktif kami untuk merasai sendiri keseronokan pembelajaran secara langsung.

### Program Khidmat Masyarakat

Pembelajaran tidak hanya terbatas di Petrosains. Petrosains bukan sahaja mendekati masyarakat setempat, tetapi juga masyarakat di luar bandar menerusi program khidmat masyarakat.





Kami beroperasi berdasarkan ketersediaan slot. Tempahan awal digalakkan menerusi Talian Maklumat/Tempahan kami di **+603-2331 8181** untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

	Waktu Operasi	Kemasukan Akhir
Isnin - Jumaat	9.30 pg - 5.30 ptg	4.00 ptg
Sabtu, Ahad, Cuti Umum & Cuti Sekolah	9.30 pg - 6.30 ptg	5.00 ptg

Tutup pada hari Isnin pertama setiap bulan.  
Tutup pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.  
Transaksi dalam talian dan penggunaan e-dompot adalah digalakkan.

**Petrosains, The Discovery Centre®**

Aras 4, Suria KLCC, Menara Berkembar PETRONAS, 50088 Kuala Lumpur.

**Faks** +603 2331 1212 **E-mel** infopetrosains@petronas.com

 petrosains.com.my  petrosains  instapetrosains  Discover Petrosains

 petrosains  Petrosains  Petrosains Sdn Bhd

Anak syarikat milik penuh PETRONAS  
Ahli ASPAC, ASTC & ECSITE

Imbas untuk pembelian tiket.



\*Maklumat adalah tepat pada masa pencetakan.

# Petrosains adalah destinasi yang menyeronokkan!

Berkeluasan 7,000 meter persegi, lebih 290 bahan pameran memenuhi dua tingkat bangunan di Menara Berkembar PETRONAS ini.


Anda memerlukan sekurang-kurangnya 2 jam untuk pengalaman yang menjangkau imaginasi.

Antara tarikan yang menarik:



**Kapsul Tenaga**

Selami kisah peralihan tenaga melalui pengembaraan penuh revolusi untuk mencetuskan minat dan idea ke arah masa hadapan yang lestari.



**SPARKZ**

Cuba sendiri pameran interaktif disertai pertunjukan sains yang pasti membuatkan anda teruja!



**Oil Platform**

Pelajari proses cari gali minyak dan gas di pelantar minyak yang berada di tengah bandaraya Kuala Lumpur!



**SPEED!**

Realisasikan impian anda untuk bergelar seorang pelumba dengan mencuba simulator F1 di pameran SPEED!



**3D Theatre**

Anda pasti teruja ketika menonton filem 3D yang mendedarkan di dalam teater mini ini.



**Tech Lab**

Kembara ke masa hadapan, ramah mesra dengan robot, terbang tinggi di awangan serta belajar mengenai data raya dan pengekodan bersama kami!



**SPACE**

Ketahui lebih lanjut mengenai sains dan teknologi angkasa lepas, terokai kehidupan angkasawan dan programkan sendiri replika penjelajah (rover) Mars!



**Geotime Diorama**

Pernahkah anda bayangkan bagaimana kehidupan 200 juta tahun yang lalu? Jom merentas masa bersama kami untuk mempelajari tentang dinosaur serta pelbagai spesies prasejarah yang menarik.



**Maker Studio**

Serlahkan kreativiti anda dengan mempelajari cara untuk mereka cipta dan berinovasi melalui bengkel di Maker Studio. Pelajari cara membina dron, membina lengan robot yang berfungsi, membina kincir angin serta pelbagai lagi rekaan menarik.



**Café Mesra**

Berehat sebentar daripada penerokaan anda sambil menikmati pelbagai jenis makanan dan minuman yang menyegarkan.



**XPLORASI-Petrosains Gift Shop**


Anda boleh mendapatkan pelbagai pilihan cenderamata istimewa yang unik seperti kit sains, permainan berasaskan pendidikan serta banyak lagi!

**Destinasi Untuk Semua**

Di Petrosains, kami mengutamakan pengalaman pembelajaran anda. Sekiranya anda inginkan maklumat yang lebih terperinci mengenai pameran yang disediakan, anda boleh terus berhubung secara langsung dengan Komunikator Sains kami.

**Keselesaan Untuk Semua**

Kami menyediakan perkhidmatan kerusi roda, kereta sorong bayi serta kemudahan seperti lif, tandas awam khas dan bilik persalinan bayi untuk keselesaan anda. Sila berjumpa dengan kakitangan kami untuk bantuan lanjut.



**Petrosains Immersive Experience and Learning (PIXEL)**

Pembelajaran tidak terhenti di Petrosains. Terokai dunia STEM di mana sahaja dan pada bila-bila masa dengan platform maya 360 darjah, PIXEL.

Imbas untuk kunjungi kami secara maya!

